



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

NATIONAL INNOVATION & COMMERCIALISATION EXPO (NICE) 2026 MEMPERKUKUH EKOSISTEM INOVASI MALAYSIA KE ARAH PERTUMBUHAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 27 OGOS 2026 – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan **Majlis Perasmian National Innovation & Commercialisation Expo (NICE) 2026** di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), hari ini. NICE 2026 menghimpunkan penyelidik, inovator, pemimpin industri, pelabur, pembuat dasar serta usahawan teknologi menerusi platform nasional terbesar negara yang memberi tumpuan kepada pemerkasaan inovasi, pengkomersialan dan penerimagunaan teknologi.

Dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta diterajui oleh Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), NICE 2026 bertemakan “**Mission to Market. Malaysia to the World.**” yang mencerminkan komitmen Malaysia untuk menterjemahkan hasil penyelidikan, inovasi dan teknologi kepada penerimagunaan sebenar, peluang komersial serta pertumbuhan di peringkat global.

Daya saing Malaysia pada masa hadapan bukan sahaja bergantung kepada keupayaan negara menghasilkan ilmu pengetahuan dan inovasi, malah keupayaan untuk menterjemahkan kekuatan tersebut kepada peluang ekonomi, industri bernilai tinggi serta teknologi yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Justeru, platform seperti NICE memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang antara inovasi dan penerimagunaan

pasaran, selaras dengan aspirasi negara di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) dan kerangka Ekonomi MADANI.

NICE 2026 dijangka menarik lebih 8,000 peserta dan pengunjung, menampilkan lebih 180 pameran inovasi dan teknologi serta menghimpunkan lebih 70 penceramah, pakar industri dan pemimpin pemikiran dari dalam dan luar negara.

Expo yang berlangsung selama tiga hari ini menampilkan pelbagai persidangan, dialog strategik, pameran teknologi, sesi padanan perniagaan, libat urus pelaburan serta peluang jaringan profesional yang merangkumi enam bidang tumpuan utama iaitu *Advanced & Future Industries, HealthTech, Bioeconomy, DeepTech, Commercialisation* dan *Market Access*.

Acara ini turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA), selain pelancaran pelbagai teknologi, produk dan inisiatif strategik baharu yang menyokong agenda inovasi dan pengkomersialan negara.

Ketika majlis tersebut, Perdana Menteri turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara kerajaan Malaysia melalui MOSTI dan International Vaccine Institute (IVI), yang merupakan langkah penting dalam memperkukuh ekosistem vaksin dan kesihatan awam negara menerusi kerjasama saintifik, pembangunan kapasiti serta jaringan kepakaran antarabangsa.

Perdana Menteri turut menyaksikan pertukaran MoU antara Medan Adopsy Sdn. Bhd. dari Malaysia dan PT Tredo Media dari Indonesia, bernilai RM60.4 juta, bagi kerjasama strategik dalam pemasaran dan pengedaran eksklusif produk Rapid Growth di Republik Indonesia.

Secara keseluruhan, NICE 2026 melibatkan 18 MoU, Memorandum Perjanjian (MoA) dan kerjasama strategik bernilai RM157.2 juta, merangkumi perluasan pasaran, pembuatan termaju, teknologi kesihatan, transformasi digital, kerjasama penyelidikan serta penerimaan teknologi.

(Rujuk [Lampiran 1](#) untuk perincian MoU dan MoA)



YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi juga berkata, “Kita tidak mahu inovasi Malaysia hanya terhenti di peringkat prototaip atau hasil penyelidikan semata-mata. Kita mahu melihat lebih banyak teknologi tempatan diterima pakai oleh industri, dikomersialkan pada skala yang lebih besar serta berjaya menembusi pasaran serantau dan global. NICE 2026 diwujudkan untuk menghimpunkan inovator, penyelidik, pemain industri, pelabur dan pembuat dasar bagi merealisasikan matlamat tersebut. Inilah semangat yang mendasari tema ‘Mission to Market. Malaysia to the World’.

NICE 2026 berfungsi sebagai platform nasional yang menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem inovasi bagi memperkuat kerjasama, mempercepatkan penerima gunaan teknologi serta membuka laluan kepada inovasi Malaysia untuk berkembang ke pasaran serantau dan global.

Acara ini turut menampilkan penyampaian Anugerah *Malaysia Commercialisation Year* (MCY) dan Anugerah MySTI sebagai pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang dalam bidang inovasi, pengkomersialan dan penerimgunaan teknologi.

Sepanjang acara tersebut, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2025, yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM1 juta kepada para pemenang. Anugerah ini mengiktiraf penyelidik, inovator dan teknousahawan yang berjaya menterjemahkan hasil penyelidikan dan inovasi kepada produk, teknologi serta perkhidmatan yang memberi impak sosioekonomi.

Anugerah MCY merangkumi Anugerah Keseluruhan serta lima kategori, iaitu Anugerah Pencapaian Pengkomersialan, Anugerah Inovator Baharu, Anugerah Usahawan Penyelidik, Anugerah Usahasama Penyelidikan dan Perniagaan dan Anugerah Inovasi Sosial.

Materials In Works (M) Sdn. Bhd. dinobatkan sebagai penerima Anugerah Keseluruhan dan pemenang Anugerah Inovator Baharu menerusi inovasi Recovered Cellulose Pulp (RCP). Pemenang bagi kategori lain ialah Ingeniouscity Engineering Solutions Sdn. Bhd., Twin

Catalyst Sdn. Bhd., Bambusoideae Technology Sdn. Bhd. dan Geomax Rubber Innovative Products Sdn. Bhd.

(Rujuk [Lampiran 1](#) untuk perincian kategori dan senarai pemenang Anugerah MCY.)

Seiring aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara berteknologi tinggi, NICE 2026 terus memperkukuh peranan sains, teknologi dan inovasi sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi, pertumbuhan industri dan peningkatan daya saing negara di peringkat global.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
27 OGOS 2026

BERKENAAN NATIONAL INNOVATION & COMMERCIALISATION EXPO (NICE) 2026

National Innovation & Commercialisation Expo (NICE) 2026 merupakan platform utama negara bagi mempercepatkan pengkomersialan dan penerimgunaan teknologi serta inovasi. Dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan diterajui oleh MRANTI, NICE menghimpunkan inovator, penyelidik, pemain industri, pelabur dan pembuat dasar bagi memperkukuh laluan daripada penyelidikan ke pasaran.

Berlangsung dari 26 hingga 28 Ogos 2026 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), NICE 2026 menampilkan pameran teknologi, dialog strategik, sesi padanan perniagaan, libat urus industri dan peluang kerjasama yang direka untuk mempercepatkan pertumbuhan berasaskan inovasi serta memperkukuh kedudukan teknologi Malaysia di pasaran serantau dan global.

Bertemakan “Mission to Market. Malaysia to the World.”, NICE 2026 mencerminkan komitmen Malaysia dalam menterjemahkan inovasi kepada nilai ekonomi dan peluang di peringkat global.



PRESS RELEASE

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

NATIONAL INNOVATION & COMMERCIALISATION EXPO (NICE) 2026 POSITIONS MALAYSIA'S INNOVATION ECOSYSTEM FOR GLOBAL GROWTH

KUALA LUMPUR, 27 August 2026 – The Prime Minister, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, officiated the opening ceremony of the **National Innovation & Commercialisation Expo (NICE) 2026** at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) today. NICE 2026 brought together researchers, innovators, industry leaders, investors, policymakers and technology entrepreneurs under Malaysia's largest national platform dedicated to accelerating innovation, commercialisation and market adoption.

Organised by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and spearheaded by the Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), NICE 2026 is anchored by the theme **"Mission to Market. Malaysia to the World."**, reflecting Malaysia's commitment to transforming research, innovation and technology into real-world adoption, commercial opportunities and global growth.

Malaysia's future competitiveness will depend not only on its ability to generate knowledge and innovation, but also on its ability to transform these strengths into economic opportunities, high-value industries and technologies that can compete globally. NICE plays an important role in bridging the gap between innovation and market adoption while supporting the nation's aspirations under 13th Malaysia Plan (RMK13) and the MADANI Economy framework.

NICE 2026 aims to attract more than 8,000 participants and visitors, feature over 180 innovation and technology showcases, and host more than 70 speakers, industry experts and thought leaders from Malaysia and abroad.

The three-day event features conferences, strategic dialogues, technology showcases, business matching sessions, investment engagements and networking opportunities across six strategic focus areas: Advanced and Future Industries, HealthTech, Bioeconomy, DeepTech, Commercialisation and Market Access.

The event also featured the exchange of Memoranda of Understanding (MoUs) and Memoranda of Agreement (MoAs), alongside the launch of new technologies, products and strategic initiatives supporting Malaysia's innovation and commercialisation agenda.

During the event, the Prime Minister witnessed Malaysia's participation in the International Vaccine Institute (IVI), marking an important step towards strengthening the country's vaccine and public health ecosystem through scientific collaboration, capacity building and access to international expertise.

The Prime Minister also witnessed the exchange of a Memorandum of Understanding (MoU) between Medan Adopsy Sdn. Bhd. of Malaysia and PT Tredo Media of Indonesia, valued at RM60.4 million, for the strategic marketing and exclusive distribution of Rapid Growth products in the Republic of Indonesia.

Overall, NICE 2026 features 18 MoUs, MoAs and strategic collaborations with a combined value of RM157.2 million, spanning market expansion, advanced manufacturing, health technology, digital transformation, research collaboration and technology adoption.

(Refer [Annex 1](#) for details of MoUs and MoAs exchanged during NICE 2026.)

Speaking during the opening ceremony, YB Datuk Chang Lih Kang, Minister of Science, Technology and Innovation, said, “We do not want Malaysian innovations to stop at the prototype or research stage. We want to see more homegrown technologies adopted by industry, commercialised at scale, and successfully entering regional and global markets. NICE 2026 is designed to bring together innovators, researchers, industry players, investors and policymakers to make that happen. This is the spirit behind our theme, ‘Mission to Market. Malaysia to the World.’”.

NICE 2026 serves as a national platform that brings together key stakeholders across the innovation ecosystem to strengthen collaboration, accelerate technology adoption and create pathways for Malaysian innovations to scale regionally and globally.

The event also featured the presentation of the *Malaysia Commercialisation Year* (MCY) Awards and MySTI Awards, recognising outstanding achievements in innovation, commercialisation and technology adoption.

During the event, the Prime Minister also presented the Malaysia Commercialisation Year (MCY) Awards 2025, where a total cash prize of RM1 million was awarded to the winners. The awards recognise researchers, innovators and technology entrepreneurs who have successfully translated research and innovation into products, technologies and services with socioeconomic impact.

The MCY Awards comprise the Overall Award and five categories, namely the Commercialisation Achievement Award, Emerging Innovator Award, Researcher Entrepreneur Award, Research-Business Collaboration Award and Social Innovation Award.

Materials In Works (M) Sdn. Bhd. emerged as the Overall Award recipient and winner of the Emerging Innovator Award for its Recovered Cellulose Pulp (RCP). Other category winners were Ingeniouscity Engineering Solutions Sdn. Bhd., Twin Catalyst Sdn. Bhd., Bambusoideae Technology Sdn. Bhd. and Geomax Rubber Innovative Products Sdn. Bhd.

(Refer [Annex 1](#) for details of MCY Award categories and winners.)

As Malaysia advances its aspiration to become a High-Tech Nation, NICE 2026 reinforces the role of STI as a catalyst for economic transformation, industrial growth and global competitiveness.

#END#

Prepared by:

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
27 AUGUST 2026

ABOUT NATIONAL INNOVATION & COMMERCIALISATION EXPO (NICE) 2026

The National Innovation & Commercialisation Expo (NICE) 2026 is Malaysia's national platform for accelerating the commercialisation and adoption of technology and innovation. Organised by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and spearheaded by MRANTI, NICE brings together innovators, researchers, industry leaders, investors and policymakers to strengthen pathways from research to market.

Held from 26 August to 28 August at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), NICE 2026 features technology showcases, strategic dialogues, business matching sessions, industry engagements and partnership opportunities designed to accelerate innovation-driven growth and position Malaysian technologies for regional and global markets.

Guided by the theme "Mission to Market. Malaysia to the World.", NICE 2026 reflects Malaysia's commitment to transforming innovation into economic value and global opportunities.